



Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1

Tarikh : 12 September 2021

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.10/2021**

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**COVID-19: PELAKSANAAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 2 DI UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan keputusan Kerajaan Malaysia melalui Kenyataan Media YAB Perdana Menteri bertarikh 8 September 2021, yang telah mengumumkan peralihan ke Fasa 2, bagi kawasan Lembah Klang iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya berkuat kuasa 10 September 2021. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melaksanakan beberapa perubahan pada aktiviti pengoperasian seperti perkara berikut:

i. PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN

a. Operasi perkhidmatan Pusat Tanggungjawab (PTj) di UKM yang menawarkan perkhidmatan perlu (*essential services*), adalah dibenarkan beroperasi mengikut keperluan perkhidmatan. Perkhidmatan "*essential services*" yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Bahagian Keselamatan UKM;
- Perkhidmatan Perubatan, Pergigian, dan Kesihatan termasuk yang ditawarkan oleh Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK), Pusat Kesihatan Universiti (PKU), Fakulti Pergigian (FGG), Fakulti Sains Kesihatan (FSK) dan Institut Perubatan Molekul (UMBI).;
- Pengoperasian kemudahan penginapan, Pusat Perumahan Pelajar dan Kolej Kediaman bagi pelajar dalam kampus termasuk Pusat Isolasi Pelajar;
- Pusat Hal Ehwal Pelajar UKM termasuk Unit Kebajikan dan Unit Kaunseling Pelajar;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerja,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/ 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- Perkhidmatan Teknologi Maklumat termasuk pusat data, penyelenggaraan, perkhidmatan telekomunikasi dan internet;
 - Perkhidmatan Pembangunan dan Prasarana termasuk penyelenggaraan fizikal, perkhidmatan elektrik dan tenaga, air, pembentungan dan pengurusan sisa pepejal;
 - Perkhidmatan Kewangan seperti urusan perolehan, bayaran kepada pelanggan dan pengurusan gaji; dan
 - Talian khidmat pelanggan utama dan Pengurusan Unit Mel Universiti.
- b. Operasi perkhidmatan PTj yang bersifat bukan perkhidmatan perlu (*non-essential services*) adalah **pada tahap MAKSIMUM 60% bekerja di pejabat dan 40% staf Bekerja Dari Rumah (BDR)** sepanjang tempoh PPN Fasa 2. Ketua Jabatan diberi kuasa untuk menentukan keperluan staf yang hadir di pejabat tidak melebihi peraturan yang ditetapkan berdasarkan keperluan kerja, kapasiti ruang kerja dan SOP ketat di pejabat termasuk ruang makan semasa waktu rehat;
- c. Ketua Jabatan dibenarkan untuk menentukan tempoh keberadaan staf di pejabat termasuk **bertugas separuh hari** di pejabat dan baki separuh hari secara BDR;
- d. Pejabat Am setiap PTj **wajib** dibuka sepanjang waktu bekerja;
- e. Kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan dokumen arahan rasmi Ketua Jabatan dan pas pekerja;
- f. **Perkhidmatan kaunter** perlu beroperasi pada **kadar 60%** dengan kehadiran melalui temujanji. Kadar ini tertakluk kepada arahan dari semasa ke semasa;
- g. Setiap PTj perlu menyediakan kemudahan Kod QR MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan dan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) di pintu masuk PTj;
- h. Ketua PTj perlu memastikan staf mematuhi Garis Panduan BDR UKM selaras dengan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 4 Tahun 2021;
- i. Staf yang didapati sengaja melanggar SOP yang ditetapkan dan gagal mematuhi Garis Panduan BDR akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas. Ketua PTJ diminta melaporkan sebarang ketidakpatuhan serta kesalahan berkaitan kepada Unit Integriti dan Ombudsman, UKM. Di antara aktiviti yang **TIDAK DIBENARKAN** dilakukan semasa **waktu pejabat** adalah:
- Urusan peribadi tanpa kebenaran Ketua Jabatan; dan
 - Menyediakan kemudahan e-hailing atau menjalankan perniagaan secara fizikal atau dalam talian.
- j. Pekerja syarikat atau kontraktor luar bagi perkhidmatan berkeperluan penting sahaja adalah dibenarkan memasuki kawasan kampus dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- k. Staf adalah dibenarkan membawa pulang dokumen penting bagi melaksanakan tugas penting dari rumah sepanjang tempoh tersebut berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO);
- l. Semua aktiviti secara bersemuka seperti mesyuarat/ kursus/ bengkel/ persidangan/ majlis rasmi/ majlis sosial adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya;
- m. Operasi perkhidmatan di Tadika Tunas UKM serta Makmal Pembelajaran Autisme, Fakulti Pendidikan adalah **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi;
- n. Premis perniagaan yang dibenarkan dibuka di dalam kampus adalah berdasarkan kepada SOP MKN yang berkuat kuasa seperti kafeteria, kedai runcit, dobi (termasuk layan diri), kedai buku dan kedai komputer dari 6.00 pagi hingga 10.00 malam sahaja. Perkhidmatan "dine-in" bagi pelanggan yang telah menerima vaksinasi lengkap sahaja;
- o. Perkhidmatan Ujian Saringan COVID-19 di UMBI adalah diteruskan sebagai membantu pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- p. Penggunaan **Borang Kebenaran Bertugas Institusi Pendidikan Tinggi (IPT)** diperlukan bagi staf yang tinggal di luar Lembah Klang dan melalui Sekatan Jalan Raya (SJR); dan
- q. Pengisian **Borang Pengisytiharan Kesihatan (Health Declaration Form)** adalah tidak diwajibkan. Semua warga perlu sentiasa mengemaskini status kesihatan melalui Sistem MySejahtera dan mengimbas QR MySejahtera jika memasuki pejabat atau premis.

ii. AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

- a. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah di jalankan secara dalam talian sepenuhnya **KECUALI** kepada pelajar yang berkeperluan yang dikenal pasti oleh Dekan/Pengarah;
- b. Keperluan pelajar yang berada di kampus adalah tertakluk kepada SOP MKN yang berkuat kuasa;
- c. Pelajar-pelajar adalah tidak dibenarkan masuk/ berada di dalam bangunan Fakulti/ Institut tanpa kebenaran Universiti;
- d. Semua peperiksaan termasuk peperiksaan klinikal adalah tidak dibenarkan dijalankan secara bersemuka sepanjang tempoh ini **KECUALI** peperiksaan antarabangsa dan badan profesional sahaja dibenarkan dijalankan; dan



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- e. Tindakan tatatertib serta denda boleh dikenakan kepada pihak Fakulti/ Institut/ Pusat Pengurusan Akademik sekiranya gagal memastikan kepatuhan kepada SOP seperti yang telah digariskan. Individu yang didapati melanggar SOP yang ditetapkan juga akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas.

iii. HAL EHWAL PELAJAR (WARGANEGARA & BUKAN WARGANEGARA)

- a. Hebahan berkaitan Hal-ehwal pelajar akan dikeluarkan oleh Pusat Hal-ehwal Pelajar (HEP-UKM) dari semasa ke semasa; dan
- b. Pihak Universiti melalui Pusat Hal-Ehwal Pelajar (HEP-UKM) akan sentiasa bersedia membantu dan memastikan keperluan serta kebajikan para pelajar termasuk pelajar yang tinggal di luar kampus terjamin. Sekiranya pelajar memerlukan bantuan kebajikan dan informasi semasa berkaitan pelajar, pegawai berikut boleh dihubungi:

Nama : Encik Asyraf Radzwan
Jawatan : Penolong Pendaftar Kanan
Pusat Hal-ehwal Pelajar
E-mel : asyraf@ukm.edu.my
No. Telefon : 019-313 0151/ 012-951 0714 / 03-8921 3147

iv. AKTIVITI PENYELIDIKAN

- a. Semua aktiviti penyelidikan dalam kampus perlu ditangguhkan kecuali penyelidikan secara individu yang penting sahaja yang ditentukan oleh Dekan/ Pengarah melalui Surat Kebenaran Ketua PTj dengan mengikut SOP yang ketat; Ketua PTJ hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan keselamatan pelajar serta pematuhan SOP;
- b. Semua aktiviti penyelidikan luar kampus seperti kerja lapangan dan lawatan tapak perlu ditangguhkan sepanjang tempoh ini berlangsung;
- c. Pelajar luar kampus yang menjalankan aktiviti penyelidikan penting (secara individu sahaja) yang diluluskan hendaklah mendapatkan surat kebenaran keluar/masuk kampus daripada Ketua PTj masing-masing; dan
- d. Garis Panduan Aktiviti Penyelidikan Sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak COVID-19 (Versi 2.0) yang dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Instrumentasi (CRIM) sebelum ini boleh dirujuk melalui pautan: <https://research.ukm.my/pekeliling-2/>.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

v. KESELAMATAN KAMPUS

- a. Warga kampus adalah dinasihatkan untuk menjaga keselamatan barangan peribadi dan alatan pejabat pada setiap masa dan memastikan semua premis berada di tahap keselamatan yang tinggi sepanjang tempoh ini;
- b. Rondaan keselamatan akan dipertingkatkan dalam tempoh ini;
- c. Setiap individu yang masuk ke kampus adalah **WAJIB** mengemukakan Borang Kebenaran Bertugas IPT atau Surat Kebenaran Ketua Jabatan sekiranya diminta oleh mana-mana anggota keselamatan UKM;
- d. Penerima vaksin termasuk staf dan pelajar perlu mengemukakan bukti janji temu melalui aplikasi MySejahtera sekiranya diminta; dan
- e. Staf atau pelajar yang terlibat sebagai petugas /sukarelawan di Pusat Penerimaan Vaksin (PPV) adalah dibenarkan untuk keluar /masuk ke kawasan kampus untuk ke PPV yang berkenaan dengan menunjukkan surat pengesahan bertugas.

vi. AKTIVITI RIADAH, REKREASI DAN BUDAYA

- a. Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan atau tidak bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu atau berkumpulan di **kawasan tertutup (indoor) kecuali** di gimnasium terhad bagi individu yang telah melengkapkan vaksinasi bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam, tertakluk kepada arahan yang sedang berkuat kuasa;
- b. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi di **kawasan terbuka (outdoor)** perlu mematuhi SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi dengan kawalan penyeliaan. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah melengkapkan vaksinasi bagi aktiviti bersentuhan fizikal;
- c. Aktiviti atau latihan sukan dan rekreasi **secara berkumpulan terhad** bagi individu **telah melengkapkan vaksinasi** yang dilakukan secara terkawal dengan kawalan penyeliaan adalah tertakluk kepada **50% kapasiti penggunaan/ kawasan atau tidak melebihi 80 orang** dalam satu-satu masa termasuk jurulatih/ instruktur/ ibu bapa (mana-mana yang lebih rendah);
- d. Individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dibenarkan membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah bagi aktiviti tersebut dengan pematuhan SOP yang ketat;



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

- e. Pihak Kolej dan Fakulti/ Institut/ Pusat diminta untuk memastikan perkara ini dipatuhi oleh semua pelajar; dan
- f. Mana-mana Warga UKM yang didapati ingkar dalam mematuhi arahan ini akan dikenakan tindakan yang tegas termasuk pelaporan kepada pihak berkuasa atas kegagalan mematuhi perintah dan dikenakan tindakan tatatertib.

vii. PELAKSANAAN SOLAT DI MASJID UKM

- a. Aktiviti yang dibenarkan adalah Solat Fardu yang dihadkan kepada 50 orang jemaah sahaja telah lengkap divaksin dan Solat Jumaat yang dihadkan kepada 100 orang jemaah sahaja telah lengkap divaksin. Jumlah ini termasuk ahli Pengurusan Masjid. Aktiviti lain adalah **TIDAK DIBENARKAN**, tertakluk kepada arahan yang sedang berkuat kuasa;
- b. Jemaah dikehendaki mematuhi SOP yang ditetapkan oleh JAIS;
- c. Individu yang tidak sihat atau mempunyai sebarang faktor risiko jangkitan COVID-19 adalah dilarang sama sekali melaksanakan solat di Masjid; dan
- d. Pihak pengurusan Pusat Islam Universiti perlu memastikan jemaah mematuhi garis panduan lain yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM.

3. Untuk makluman, Bilik Gerakan COVID-19 UKM di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) akan beroperasi 24 jam. Sebarang pertanyaan dan bantuan, warga UKM boleh menghubungi:

- a. **Dr. Mohd Azman Abas**
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti di talian: 016-6654442; dan
- b. **Dr. Masdalina Azhari**
Pegawai Perubatan, Pusat Kesihatan Universiti di talian: 019-2645072.

4. Pekeliling ini **berkuat kuasa 13 September 2021** dan akan kekal berkuat kuasa jika PPN Fasa 2 disambung atau tiada sebarang perubahan SOP. Pihak pengurusan Universiti berdoa agar semua pihak terus komited dan bertenang dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warga UKM dan rakyat negara ini terpelihara. Setiap warga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549


Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh

"Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Era Norma Baharu"

Yang benar



PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh